

11 DEC 2003

Abdullah-Arroyo/I

ARROYO, ABDULLAH BERUNDING DI TOKYO

MANILA, 11 Dis (Bernama) -- Presiden Filipina Gloria Arroyo akan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di luar Sidang Kemuncak Asean-Jepun di Tokyo, esok.

Dalam taklimat kepada pemberita di sini hari ini, timbalan jurucakap presiden, Ricardo Saludo berkata rundingan itu, yang pertama sejak Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia daripada Tun Dr Mahathir Mohamad Oktober lepas, dijadual berlangsung pada 8:30 pagi di Imperial Hotel, Tokyo.

Katanya, pada pertemuan itu, kedua-dua pemimpin akan berbincang mengenai hubungan dua hala termasuk rundingan damai yang akan diadakan di Malaysia bulan depan antara Manila dan kumpulan pemisah Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

"Presiden Arroyo berazam mengadakan rundingan itu dengan secepat mungkin bagi mewujudkan keamanan dan pembangunan di Mindanao," katanya.

Saludo berkata, sebelum berlangsungnya rundingan rasmi antara kedua-dua pihak, satu rundingan peringkat awal mengenainya akan diadakan di Kuala Lumpur.

Beliau juga menyatakan bahawa sekumpulan enam pegawai tentera Malaysia yang merupakan sebahagian daripada anggota awal pasukan Malaysia yang akan memantau gencatan senjata di Mindanao, dijadual tiba di sini Isnin ini.

"Kumpulan pegawai Malaysia ini akan meninjau keadaan rupa bumi dan menentukan kemudahan serta benda-benda lain yang mereka perlukan bagi menjalankan tugas sebagai pasukan pemantau gencatan senjata," katanya.

Proses damai antara Manila dan MILF kini berjalan lancar, katanya.

-- BERNAMA

ALJ AHH SP MOZ